Persidangan Kewangan Islam Tahunan Ke-3
13 Januari 2004, London

"Menjamin Kestabilan Dalam Sistem Kewangan Islam"

Ucapan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

I. Pengenalan

"Sungguhpun sejarahnya baru bermula semenjak tiga dekad yang lalu, perbankan dan kewangan Islam telah mengalami pertumbuhan dan transformasi yang pesat. Daripada sebuah industri yang berusaha untuk memenuhi kewajipan agama untuk masyarakat Islam, ia kini merupakan satu industri bernilai berbilion dolar yang didorong oleh keperluan perniagaan yang dirancang rapi dan untuk mendapatkan keuntungan optimum, di samping menegakkan prinsip-prinsip Islam. Malah, kemajuan ini dicapai dalam suasana kewangan dan ekonomi global yang mencabar. Pembangunan kewangan Islam seterusnya harus dibekalkan dengan keperluan asas yang sesuai demi menjamin evolusi satu sistem perantaraan yang berdaya maju, mapan dan berdaya tahan. Yang paling penting ialah masa yang tepat untuk membangunkan industri kewangan Islam yang komprehensif dan kukuh, yang dapat menjana kestabilan kewangan dan pertumbuhan melalui keteguhan rangka kerja pengawalseliaan, dinamisme antara pasaran yang berhubung kait, kekukuhan infrastruktur kewangan, kecanggihan produk dan perkhidmatan serta sambutan terhadapnya."

Dalam pembangunan sistem kewangan Islam, tumpuan utama adalah untuk menjamin kestabilan kewangan. Beberapa inisiatif telah diambil untuk mewujudkan kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam dan seterusnya mengukuhkan tiang asasnya. Ucapan saya pada pagi ini akan tertumpu kepada inisiatif tersebut. Izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini berkongsi dengan hadirin sekalian mengenai pengalaman Malaysia dalam usaha ini.

II. Trend semasa dalam landskap kewangan antarabangsa

Landskap kewangan antarabangsa sentiasa dibentuk semula dan berubah mengikut arus perubahan yang bergerak pantas yang dibawa oleh globalisasi, liberalisasi sektor kewangan dan kemajuan teknologi. Globalisasi dimanifestasikan menerusi perkembangan geografik dan penggabungan pertubuhan-pertubuhan kewangan di luar sempadan negara dan aliran sumber kewangan yang besar merentasi sempadan. Ini telah menambahkan jumlah sumber dana dalam sistem kewangan dan meningkatkan kepentingan sektor kewangan. Trend ini diperkukuhkan oleh kemajuan dalam teknologi yang mengubah dengan ketara cara

kita mengendalikan urusan perniagaan serta struktur dan aktiviti pasaran dalam ekonomi negara dan global. Ini telah menghasilkan satu suasana yang membolehkan perniagaan, pasaran dan ekonomi menjadi lebih bersepadu dan saling bergantung di peringkat antarabangsa.

Liberalisasi kewangan dan deregulasi industri perkhidmatan kewangan telah meningkatkan suasana bersaing dan pertumbuhan produk kewangan serta perkhidmatan baru dengan berlipat ganda. Operasi perniagaan konglomerat kewangan global pada masa kini juga merentasi pelbagai negara lain. Selaras dengan perkembangan ini, pengawalselia mengkaji semula peraturan berhemat yang sedia ada dan mengguna pakai rangka kerja penyeliaan yang disatukan untuk mengelakkan jurang dalam pengawalseliaan yang boleh menjadi punca kebimbangan sistemik.

Deregulasi sektor kewangan bukan sahaja mengembangkan peluang pasaran, malah membuka ruang berlakunya ketidakstabilan dalam pasaran kewangan. Suasana pasaran kewangan yang semakin tidak pasti dan ketaktentuan yang kian meningkat memerlukan lebih banyak perhatian untuk meningkatkan keupayaan pengurusan risiko yang lebih kukuh. Pelaburan yang lebih besar telah dibuat bagi memperkemaskan teknik kuantifikasi risiko dalam usaha meningkatkan rangka kerja pengurusan risiko secara menyeluruh. Pengurusan risiko dalam peraturan antarabangsa yang baru juga diberi penekanan yang mendalam seperti yang terkandung dalam rangka kerja modal Basel II. Tidak kurang pentingnya adalah kerja pengumpulan data dan maklumat kewangan yang relevan, yang telah membawa kepada pelaburan besar untuk meningkatkan carian data dan keupayaan teknologi maklumat.

Ketika pasaran kewangan global menjadi bertambah canggih, kedudukan pasaran yang tidak stabil dan kegagalan institusi kewangan yang besar telah mewujudkan lebih banyak keperluan pengawalseliaan yang ketat dan meningkatkan tahap ketelusan. Mesejnya ialah kejujuran dan ketelusan adalah sangat penting bagi institusi kewangan untuk mendapatkan keyakinan daripada orang awam dan para pelabur. Sebagai tindakan susulan kepada beberapa kegagalan syarikat korporat yang penting, kajian semula dijalankan terhadap standard dan amalan perakaunan antarabangsa untuk mengatasi kekurangan dalam standard yang sedia ada. Di beberapa negara, jawatankuasa pengawasan bebas atau badan awam ditubuhkan untuk menerbitkan piawaian audit dan mengenakan peraturan baru dalam kawalan mutu pengauditan dan kebebasan juruaudit. Oleh yang demikian, trend ini menjurus ke arah membaik pulih kesahihan laporan kewangan dan meningkatkan keseluruhan tahap ketelusan.

Krisis kewangan Asia pada tahun 1997 juga mendorong penelitian semula dasar dan amalan-amalan. Ini mempercepatkan pengstrukturan dan penyusunan semula kewangan secara meluas bagi memperkukuhkan sistem kewangan domestik. Lima tahun selepas krisis tersebut, sistem kewangan di Asia Timur telah menjadi lebih kukuh dan menunjukkan daya ketahanan yang lebih tinggi.

III. Prasyarat ke arah sistem kewangan Islam yang stabil

Walaupun menghadapi persekitaran yang lebih mencabar, perkembangan kewangan Islam sebagai satu pengantara kewangan yang berdaya maju terus bergerak ke hadapan. Ini disebabkan peluang untuk memperkukuh asas kewangan Islam dan meletakkan prasyarat bagi membuka ruang pembangunan dan perlindungan kepada kestabilan sistem kewangan diambil ketika sistem kewangan masih berada di peringkat awal.

Tumpuan utama bukan sahaja diberi kepada dimensi penyeliaan, pengawalseliaan dan perundangan, malah kepada pembangunan infrastruktur kewangan dan pasaran serta pembangunan keinstitusian. Pada dasarnya, bentuk pengawalseliaan berhemah dilengkapi oleh usaha-usaha serentak untuk membangunkan pasaran kewangan Islam, institusi-institusi Islam dan instrumen kewangan. Bagi tujuan ini, izinkan saya memberi penekanan kepada fakta-fakta penting bagi mencapai objektif ini.

Pertama, rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan efektif

Ciri penting sesebuah infrastruktur kewangan yang maju ialah wujudnya rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan penyeliaan yang efektif yang akan memacu kestabilan sistem kewangan berkenaan. Pengawalseliaan dan penyeliaan berfungsi sebagai satu komponen yang diperlukan dan mustahak bagi infrastruktur kewangan. Bagi sistem kewangan Islam, rangka kerja ini juga perlu sejajar dengan keperluan prinsip Syariah, termasuk mengadakan Majlis Syariah yang akan menjamin hala tuju strategik, pembentukan dasar dan pengendalian transaksi kewangan yang mematuhi prinsip Syariah. Ini perlu disokong oleh sistem mahkamah yang efisien yang dapat mengendali kesemua kes perbankan dan kewangan Islam dengan berkesan. Dengan itu, keputusan-keputusan mahkamah dalam pelbagai isu kewangan boleh dikuatkuasakan seperti kontrak, kebankrapan, cagaran dan pemulihan pinjaman yang kesemuanya penting dalam operasi perniagaan. Rangka kerja perundangan juga perlu menangani isu penyeliaan termasuk agensi pengawalseliaan yang terbabit dalam penyeliaan institusi kewangan Islam yang merangkumi pelesenan dan tatacara perniagaan perbankan Islam. Agensi-agensi yang berkenaan perlu mempunyai tanggungjawab serta objektif yang jelas demi memastikan keberkesanan pengawalseliaan kewangan.

Walaupun sistem perbankan konvensional berlandaskan kepada prinsip asas Basel yang menerangkan keperluan minimum bagi rejim pengawalseliaan, prinsip-prinsip ini perlu dikaji semula daripada perspektif perbankan Islam dengan mengambil kira ciri dan risiko yang terlibat dalam perbankan Islam, baik produknya mahupun perkhidmatannya.

Isu utama adalah untuk menerbitkan keperluan kecukupan modal minimum yang berhemah dan sesuai untuk bank-bank Islam. Keperluan tersebut perlu mencerminkan risiko yang dihadapi oleh institusi perbankan berkenaan. Rangka kerja yang digubal perlu mengambil kira konsep asas Islam. Sebagai

contoh, prinsip Mudharabah mewujudkan satu kumpulan pendeposit yang juga boleh ditafsirkan sebagai separa pemegang saham. Risiko berwajaran yang ditetapkan ke atas komponen aset individu juga perlu menggambarkan ciri risiko yang terlibat. Ia tidaklah semudah hubungan antara pemberi hutang dengan pemiutang seperti dalam perbankan konvensional, malah ia perlu juga mengambil kira risiko lain yang timbul daripada hubungan antara pelabur dengan usahawan yang wujud dalam perbankan Islam.

Oleh yang demikian, operasi perbankan Islam perlu ditadbir berdasarkan standard serta amalan terbaiknya yang tersendiri sejajar dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa. Bagi mencapai objektif ini, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) ditubuhkan pada tahun 2002 sebagai badan penerbitan standard berhemat antarabangsa bagi menggubal standard pengawalseliaan dan penyeliaan antarabangsa untuk institusi kewangan Islam. Sehubungan ini, IFSB telah mencatat kemajuan dalam pembentukan standard berhemat bagi rangka kerja kecukupan modal dan pengurusan risiko. Kedua-dua standard ini dijangka siap menjelang tahun 2005. Di samping itu, IFSB akan mula merangka kerja mewujudkan standard urus tadbir korporat.

Pada masa ini, terdapat beberapa buah negara mengguna pakai standard Perjanjian Basle dalam rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan bagi industri perbankan Islam. Walau bagaimanapun, standard tersebut tidak merangkumi secukupnya keperluan operasi dan transaksi perbankan Islam, dan keadaan ini menghasilkan jurang dalam standard. Oleh itu, jurang yang dinyatakan akan diambil kira dalam menetapkan peraturan modal dan risiko yang berkaitan dengan kontrak kewangan Islam yang berlainan supaya ia benar-benar mencerminkan ciri dan sifat masing-masing.

Walaupun pada dasarnya terdapat produk dalam kewangan Islam yang tidak perlu menyediakan modal, institusi kewangan Islam perlu mewujudkan sistem pengurusan risiko yang lebih ketat dalam pengurusan dana yang diletakkan di bawah struktur ini. Justeru, standard pengurusan risiko perlu memberi penekanan khusus terhadap keperluan ini. Institusi kewangan Islam akan dapat dikawal selia dan diseliakan dengan mengikut standard yang akan diterbitkan oleh IFSB. Selain itu, IFSB akan memainkan peranan penting untuk memudahkan usaha mengemas kini standard yang merangkumi isu-isu penyeliaan sempadan-silang termasuk isu *home-host supervisor.*

Semenjak penubuhannya lebih setahun yang lalu, IFSB telah menarik banyak penyertaan. Sehingga ke hari ini, terdapat 13 ahli penuh, 3 ahli bersekutu dan 20 pemerhati dalam IFSB. Perkembangan yang menggalakkan ini memperlihatkan kecenderungan terhadap pembangunan perbankan dan kewangan Islam yang teratur dan utuh. Penyertaan luas yang turut merangkumi beberapa agensi antarabangsa dan agensi pelbagai hala serantau akan membantu proses perundingan dan penerimaan pakai standard ini. Peranan penting lain yang akan dimainkan oleh IFSB adalah dalam pengharmonian pemahaman Syariah yang berbeza ke arah amalan yang

diterima secara universal. Perkembangan positif ini dijangka menghasilkan rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan yang teguh institusi-institusi kewangan Islam untuk menggalakkan kestabilan kewangan dalam sistem tersebut.

Kedua, kewujudan urus tadbir korporat yang kukuh

Adalah dikenal pasti bahawa urus tadbir korporat yang baik memperkukuh pengawalseliaan dan penyeliaan yang utuh. Ia menyumbang ke arah mengekalkan keyakinan pasaran dan memperkukuh ketelusan dan kebertanggungjawaban. Penekanannya adalah berorientasikan nilai dan memupukkan kesaksamaan dan keadilan kepada semua pihak yang berkepentingan terhadap institusi perbankan. Untuk melihat urus tadbir korporat ini berhasil, amalan korporat yang baik perlu ditanam dan disemai dalam segala aspek operasi dan lapisan dalam organisasi tersebut.

Hakikatnya, Islam menyokong penuh kesemua bentuk urus tadbir yang positif. Nilai-nilai dan peri laku beretika telahpun disemai dan diwarisi dalam komuniti itu. Urus tadbir korporat Islam dilaksanakan melalui prinsip dasarnya iaitu kesejahteraan ekonomi umatnya, persaudaraan sejagat, keadilan, sifat bertanggungjawab dan pembahagian pendapatan secara saksama. Oleh yang demikian, walaupun nilai-nilai murni Islam sentiasa menyokong urus tadbir korporat yang baik, cabaran yang perlu kita dihadapi adalah dalam bentuk aplikasinya. Bagi institusi-institusi perbankan Islam, urus tadbir korporat yang baik seharusnya disemai dalam setiap aspek operasinya.

Isu yang berkait rapat dengan urus tadbir korporat ialah peranan disiplin pasaran. Kunci kepada keberkesanan pengurusan urus tadbir korporat ialah penyerahan kuasa kepada pemegang saham. Dalam hal ini, pemegang saham mempunyai insentif dan kaedah untuk bertindak mendisiplinkan pihak pengurusan mengikut syarat-syarat yang disediakan. Pasaran bagi kawalan korporat adalah cara penting yang boleh dipraktikkan oleh pemegang saham demi mendisiplinkan pengurusan tentang peruntukan modal sebagaimana yang diamalkan oleh pengurusan yang bijak.

Ketiga, ketelusan yang lebih tinggi dan penzahiran maklumat

Ketelusan dan penzahiran adalah perkara mustahak terutamanya dalam persekitaran yang berubah dengan pesat. Sementara ketersediaan maklumat kewangan yang lengkap dan tepat pada masanya akan meningkatkan disiplin pasaran, penzahiran maklumat perlu dilengkapi dengan kebolehan peserta pasaran menganalisis dan mentafsirkan maklumat tersebut dengan tepat.

Perkara yang berkait rapat dengan isu ini adalah keperluan untuk memperkukuh rangka kerja perlindungan pengguna sebagai kaedah pembetulan disebabkan oleh kurangnya ketelusan. Lebih relevan lagi adalah peranan yang pelbagai yang dimainkan oleh institusi-institusi kewangan Islam apabila berurusan dengan pelanggan perbankan Islam kerana urus niaga kewangan Islam bukan hanya berdasarkan hubungan antara peminjam dengan pemberi pinjaman seperti dalam perbankan konvensional. Langkah ke arah mengguna pakai pendekatan pasaran yang

diselia memerlukan usaha yang berterusan untuk mempertingkatkan penzahiran produk dan meningkatkan tahap pengetahuan kewangan para pengguna.

Untuk mempertingkatkan ketelusan pengendalian institusi perbankan, standard perakaunan yang sesuai adalah perlu bagi mencerminkan nilai operasi perbankan yang benar dan saksama yang akan menjurus ke arah kebertanggungjawaban di pihak institusi perbankan. Laporan kewangan yang tepat memerlukan badan akauntan kewangan yang berilmu pengetahuan luas dalam prinsip-prinsip Syariah bagi memastikan akaun yang dibuat bukan sahaja mematuhi standard perakaunan antarabangsa tetapi juga selaras dengan prinsip Islam. Ini adalah untuk membolehkan para pelabur dan penyelia memperoleh penilaian yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan institusi Islam dan keuntungan perniagaan. Ketelusan dan penzahiran adalah lebih penting dalam perbankan Islam kerana konsep mudharabah (perkongsian untung) melambangkan hubungan usahawan-pelabur dan merupakan elemen penting dalam sumber dana.

Penubuhan Lembaga Piawaian Perakaunan dan Pengauditan Institusi-institusi Kewangan Islam (AAOIFI) telah memberikan sumbangan yang ketara dalam pembentukan dan penerbitan piawaian perakaunan dan pengauditan untuk institusi-institusi kewangan Islam. Piawaian yang diterbitkan oleh AAOIFI menyumbang ke arah peningkatan kualiti penyata kewangan dan kaedah pelaporan institusi kewangan Islam. AAOIFI juga menerbitkan piawaian mengenai peranan jawatankuasa Syariah dan juga kod etika yang akan mengawal selia para akauntan dan juruaudit institusi-institusi kewangan Islam. Usaha AAOIFI juga mempercepatkan tahap ketelusan dan urus tadbir korporat insititusi-institusi kewangan Islam.

Keempat, rangka kerja pengurusan risiko

Penekanan untuk memperbaiki urus tadbir korporat adalah seiring dengan keperluan membaiki standard pengurusan risiko. Amalan pengurusan risiko yang bijak akan meminimumkan kesan buruk yang dihadapi oleh institusi kewangan dalam tempoh yang tidak menentu. Kawalan dalaman yang mantap dalam penyediaan standard kualitatif juga perlu untuk melengkapkan analisis risiko kuantitatif bagi tujuan sekatan dan imbangan dalam amalan pengurusan risiko secara keseluruhan.

Sistem pengurusan risiko yang berkesan adalah asas kepada usaha-usaha pengawalseliaan. Sistem pengurusan risiko dalam institusi kewangan Islam mestilah berupaya menangani ciri dan elemen unik berkaitan operasi pembiayaan Islam yang melibatkan kontrak dan instrumen kewangan, yang boleh membawa kepada risiko-risiko lain di samping risiko kredit. Infrastruktur pengurusan risiko perlu diwujudkan bagi memudahkan pengenalpastian, pengawasan dan pengawalan terhadap risiko bawaan yang wujud dalam pelbagai jenis pembiayaan supaya risiko tertentu dapat dirungkaikan. Oleh itu, kerumitan risiko-risiko berkenaan dalam instrumen kewangan Islam perlu diteroka dan dikuantifikasi bagi penilaian dan pengurusan yang berkesan.

Di bidang perbankan Islam, keperluan mengurus risiko menjadi lebih penting kerana ciri unik dalam kontraknya. Pelaksanaan Basel II, sedikit sebanyak telah memasukkan aspek-aspek pengenalpastian risiko, terutamanya pengurusan risiko kredit, pasaran dan operasi yang boleh diterima pakai oleh bank-bank Islam dari segi penawaran produk masing-masing. Walau bagaimanapun, penelitian lanjut perlu dilakukan oleh pakar-pakar kewangan Islam, khususnya dalam penilaian definisi modal yang bersesuaian, sebagaimana digariskan oleh Jawatankuasa Basel. Salah satu pertimbangan yang perlu ditangani dalam penilaian risiko berkaitan bank-bank Islam adalah berhubung caj modal ke atas akaun pelaburan. Basel II tidak mengambil kira ciri unik ini dalam rangka kerjanya. Aset yang dibiayai oleh dana dalam akaun pelaburan mungkin tidak memerlukan caj modal bagi tujuan pengukuran kecukupan modal kecuali dalam kes salah laku dan kecuaian. Di samping itu, sekiranya institusi perbankan Islam perlu terlibat dengan lebih lanjut dalam pengaturan perkongsian untung dalam kunci kira-kira masing-masing, bank-bank Islam perlu mempunyai penilaian pengurusan risiko dan mekanisme pengawasan yang mantap. Ini adalah satu bidang yang sedang diberi perhatian oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dalam pendrafan standard rangka kerja pengurusan risiko secara keseluruhan bagi komuniti kewangan Islam dengan mengambil kira keperluan unik institusi perbankan Islam.

Sementara pengurangan risiko ditekankan dalam kewangan Islam, usaha membaik pulih rangka kerja pengurusan risiko yang sedia ada perlu dipertingkatkan. Dalam usaha mencari produk pengurangan risiko yang bersesuaian, produk lindung nilai baru yang terhad di pasaran perlu dibangunkan. Selaras dengan prinsip-prinsip asas Islam, pendekatan ijtihad dibenarkan oleh Syariah berdasarkan analisis kontemporari dan inferens lojik. Pembangunan produk lindung nilai baru sememangnya sesuatu yang perlu diimpikan oleh komuniti kewangan Islam. Dalam perbankan konvensional, instrumen-instrumen ini diguna untuk mengurangkan risiko. Komuniti kewangan Islam akan turut membangunkan produk berkenaan bagi tujuan yang sama dalam masa yang terdekat.

Kelima, rangka kerja Syariah yang berkesan dan dinamik

Syariah merupakan salah satu isu utama dalam pembentukan industri kewangan Islam yang dinamik. Syariah sewajarnya dilihat sebagai pemangkin kepada inovasi dan kreativiti dan bukan sebagai satu kekangan. Sehubungan itu, usaha-usaha perlu dipertingkatkan bagi menghargai sepenuhnya dan memaksimumkan potensi dan hikmah sebenar Syariah. Usaha-usaha perlu dipergiatkan bagi memupuk kerjasama yang lebih erat di kalangan para ilmuan Syariah, pengamal, penyelidik dan pengawal selia untuk menjalankan kajian dan penyelidikan terperinci dalam penghasilan produk. Usaha ini akan menyediakan asas kukuh ke arah pembangunan sistem kewangan Islam yang dinamik.

Keenam, pembangunan infrastruktur perundangan yang lengkap

Prasyarat lain untuk mengekalkan pertumbuhan perbankan Islam dan kewangan yang berterusan ialah infrastruktur

perundangan yang lengkap untuk mengendalikan sebarang permasalahan perundangan yang timbul daripada urus niaga kewangan Islam. Infrastruktur perundangan perlu mengandungi pengawalan yang berkesan dan perundangan yang substantif serta pengadilan yang sesuai bagi mengendalikan hal-hal perundangan bersangkutan dengan urus niaga kewangan Islam. Untuk menangani isu ini, usaha-usaha ke arah melahirkan sekumpulan peguam dan hakim yang cekap, dilengkapi dengan ilmu dan kepakaran dalam kedua-dua bidang perundangan Syariah dan sivil yang diperlukan untuk menangani isu berkaitan.

Ketujuh, pembangunan pasaran kewangan Islam yang aktif

Di pusat-pusat kewangan yang lebih maju, perkembangan pasaran kewangan yang saling berkait telah menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Ini adalah satu bidang yang diberi keutamaan dalam industri kewangan Islam. Dalam hal ini, perkembangan sistem kewangan Islam yang komprehensif termasuk pelbagai komponen pasaran kewangan mampu memenuhi keperluan pelbagai kumpulan yang berbeza. Oleh yang demikian, cabaran dalam industri perbankan Islam adalah untuk membawa pembangunan sistem kewangan Islam ke arah yang lebih dinamik dan responsif. Pembangunan sistem kewangan Islam perlu memasukkan komponen utama yang terdiri daripada pasaran wang Islam serta pasaran modal ekuiti dan hutang secara Islam, berikutan hubungkait yang kukuh dan saling memerlukan antara satu sama lain serta sinergi antara komponen ini yang wujud dalam sistem tersebut. Yang penting adalah pasaran wang Islam yang bertindak sebagai landasan dalam penyediaan sumber pembiayaan dan pelaburan jangka pendek yang sedia untuk digunakan. Instrumen kewangan dan pelaburan antara bank membolehkan bank yang mempunyai lebihan menyalurkan dana kepada bank yang mengalami defisit, seterusnya mengekalkan mekanisme pendanaan yang diperlukan bagi memupuk kestabilan dalam sistem. Pasaran wang Islam turut memudahkan perlaksanaan dasar monetari.

Sistem kewangan Islam juga perlu memasukkan pasaran modal untuk menyediakan satu sumber pembiayaan alternatif di samping memperkenalkan instrumen kewangan Islam yang lebih luas dan pelbagai kepada para pelabur. Pasaran ekuiti dan bon akan menyediakan satu peruntukan sumber kewangan dan ekonomi yang lebih seimbang. Ini akan menghasilkan satu pengagihan risiko yang lebih efisien dalam sistem, dan seterusnya mencapai kestabilan dalam sistem. Dengan adanya spektrum instrumen yang lebih luas dalam pasaran, pengurus dana akan berupaya menguruskan portfolio mereka dengan lebih baik dan menyebarkan risiko masing-masing berdasarkan toleransi risiko yang diingini dan seterusnya menyumbang ke arah kestabilan yang lebih kukuh.

Pasaran kewangan ini dilengkapi oleh bank. *Takaful* atau insurans secara Islam menyediakan perlindungan risiko kepada pemegang polisi mereka dan bertindak sebagai penggerak dana jangka panjang yang penting. Di samping itu, institusi kewangan

pembangunan, institusi tabungan dan institusi kredit perumahan perlu dibangunkan untuk memenuhi permintaan pelanggan yang pelbagai. Institusi khusus seumpama ini akan memenuhi keperluan ekonomi yang berbeza.

IV. Pengalaman Malaysia dalam pembangunan dan pengurusan kewangan Islam

Strategi yang diambil oleh Malaysia adalah untuk membangunkan satu sistem kewangan Islam yang komprehensif. Malaysia bermula dengan penubuhan sebuah bank Islam untuk menerajui pengenalan produk perbankan dan perkhidmatan Islam, dan pada masa yang sama mengenal pasti segmen kewangan berkaitan yang diperlukan bagi menyokong perkembangan aktiviti perbankan Islam. Sistem kewangan Islam di Malaysia beroperasi selari dengan sistem konvensional.

Penubuhan *takaful* atau insurans secara Islam telah menyusuli penubuhan perbankan Islam bagi menyediakan perlindungan gadai janji pembiayaan perumahan secara Islam. Setelah kedua-dua segmen ini berkembang, Malaysia telah memperluas pendekatan pelaksanaannya dengan membenarkan institusi perbankan konvensional untuk menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam berasaskan "kaunter". Bagi memelihara integriti sistem tersebut, pemisah antara dana perbankan konvensional dengan Islam diwujudkan. Operasi perbankan Islam bagi institusi berkenaan mesti diasingkan daripada operasi perbankan konvensional, sama ada secara elekronik atau melalui kaedah tertentu yang lain. Langkah ini boleh mewujudkan lebih ramai peserta pasaran dalam sistem kewangan Islam dan menyediakan landasan bagi penubuhan satu pasaran wang secara Islam yang berdaya maju. Pasaran wang secara Islam bertindak sebagai satu platform bagi institusi kewangan Islam menguruskan pengubahsuaian portfolio pelaburan jangka pendek mereka. Menyedari betapa pentingnya pasaran modal, Malaysia memulakan pembangunan pasaran sekuriti kewangan swasta secara Islam sejak awal tahun 90-an.

Pada hari ini, sistem kewangan Islam muncul sebagai satu komponen penting dalam keseluruhan sistem kewangan Malaysia yang menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara.

Malaysia telah menerima pakai pembaharuan perundangan, pengawalan kendiri dan langkah-langkah untuk menggalakkan pengawalan berasaskan pasaran. Langkah-langkah baru diperkenalkan untuk membaiki tahap urus tadbir di kalangan institusi perbankan. Langkah-langkah ini termasuk mengkaji semula kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah dan Pengurusan di samping keperluan menubuhkan beberapa jawatankuasa Lembaga Pengarah. Dalam kes Malaysia, Mahkamah Tinggi Malaysia melantik hakim-hakim mahkamah tinggi yang tertentu untuk mendengar kes-kes pendakwaan yang melibatkan perbankan dan kewangan Islam. Bagi menjalankan satu penilaian semula undang-undang yang holistik, Bank Negara Malaysia menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian Semula Undang-Undang untuk mengkaji semula perundangan tempatan yang

berasaskan *common law* bagi menggabungkan prinsip-prinsip Syariah dengan tujuan menghapuskan sebarang halangan dan memastikan fungsi dan keberkesanan sistem perbankan dan kewangan Islam. Akta Bank Negara Malaysia juga telah dipinda untuk membolehkan penubuhan sebuah Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara Malaysia sebagai satu badan berautoriti dan rujukan tunggal ke atas semua perkara Syariah mengenai perbankan dan kewangan Islam.

Kejayaan mengintegrasikan komponen-komponen asas ini menjadi satu sistem kewangan Islam yang komprehensif telah menyumbang ke arah satu proses perantaraan kewangan tempatan secara Islam yang lebih aktif. Pada hari ini, perbankan Islam telah mengumpul aset berjumlah RM76 bilion atau 10 peratus daripada saiz pasaran. Dianggarkan sebanyak 70 peratus daripada aset perbankan Islam dijana oleh bank-bank konvensional secara kaunter Islam. Dalam sektor takaful pula, empat buah pengendali takaful mencatat aset sebanyak RM4 bilion. Perkembangan yang ketara dicapai dalam bidang pasaran wang dan modal secara Islam yang berjumlah RM340 bilion diurusniagakan dalam pasaran wang secara Islam, sementara jumlah belum bayar sekuriti swasta secara Islam mencatat sebanyak RM75 bilion atau 44 peratus daripada jumlah keseluruhan sekuriti swasta belum bayar. Dalam pasaran saham, lebih daripada 80 peratus kaunter di Bursa Saham Kuala Lumpur adalah kaunter yang diluluskan Syariah. Pada tahun ini, sektor perbankan Islam akan diliberalisasi dengan menambah sehingga tiga buah institusi perbankan Islam asing kerana sistem tersebut menjadi lebih berintegrasi dengan sistem kewangan global.

V. Menyediakan Bank Pusat untuk menghadapi cabaran masa hadapan

Komen saya terhadap prasyarat kepada sistem kewangan yang stabil dan komprehensif tidak akan lengkap tanpa menyentuh sedikit tentang peranan bank pusat. Untuk kekal berada di barisan depan menempuh cabaran-cabaran baru dan melaksanakan tanggungjawab kita dengan efektif, usaha-usaha bank pusat juga perlu ditumpukan ke arah meningkatkan kapasiti dan keupayaan bank pusat.

Bank pusat yang beroperasi dalam ekonomi pasaran yang baru muncul mempunyai mandat yang lebih luas berbanding ekonomi yang lebih maju dan matang. Peranan kita yang utama adalah mencorakkan perkembangan sistem kewangan, pembangunan keinstitusian dan pengurusan ekonomi secara keseluruhan. Ini melangkaui objektif untuk mencapai kestabilan monetari dan kewangan dan memastikan sistem pembayaran berfungsi dengan utuh dan efisien. Bank pusat juga mempunyai peranan penting untuk membangunkan infrastruktur kewangan, mengembangkan pasaran kewangan, rangka kerja perundangan dan menggerakkan pembangunan institusi. Di Malaysia, wawasan kami terhadap pembangunan sektor kewangan bagi jangka masa sepuluh tahun yang akan datang digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan. Pelan ini merangkumi hala tuju strategik dan strategi untuk membangunkan sektor kewangan Islam.

Akhir sekali, kerjasama rapat antara pengawal selia amat perlu bagi memastikan sistem kewangan Islam tidak terdedah kepada bahaya dan penyalahgunaan. Dalam hal ini, perkongsian maklumat antara pengawal selia termasuk pengawal selia di luar negara amat penting terutama dalam persekitaran yang lebih global dan liberal kerana urus niaga dan aktiviti kewangan menjadi lebih kompleks dan global. Sehubungan ini, pengawal selia perlu sentiasa bertukar-tukar pandangan dan berkongsi maklumat mengenai isu-isu penting dan perkembangan yang dialami dalam pusat kewangan masing-masing.

Satu lagi aspek penting ialah berhubung dengan pembangunan pasaran kewangan Islam antarabangsa. Walaupun pasaran ini seharusnya diterajui oleh peserta pasaran, satu peranan penting yang diharapkan daripada pengawal selia dan bank-bank pusat adalah untuk menyokong perkembangan pasaran tersebut. Dalam hal ini, sokongan padu yang ditunjukkan oleh pengawal selia dan bank pusat untuk menjadikan pelancaran dan penerbitan instrumen Sukuk berdaulat satu kejayaan cukup menggambarkan satu kemajuan penting telah tercapai. Inisiatif-inisiatif ini akan membawa kepada satu usaha yang lebih tersusun bagi mengecapi pembangunan dan kestabilan pasaran.

VI. Kesimpulan

Hasrat kita untuk membangunkan sistem kewangan Islam yang dinamik adalah untuk mencapai objektif utama kewangan Islam yang boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi kita secara keseluruhan. Ini boleh dicapai melalui proses perantaraan bagi memudahkan perdagangan, perniagaan dan pelaburan. Dengan itu, ia akan membantu penggabungan sistem kewangan Islam sebagai komponen yang berdaya maju dalam sistem kewangan global.

Hanya dengan kemampuan industri kewangan Islam untuk membina kapasiti keinstitusian, memperhebatkan usaha kerjasama untuk mengukuhkan keberkesanan infrastruktur kewangan Islam, dan mempercepatkan proses integrasi global yang akan dapat mewujudkan sinergi dan peluang bagi industri kewangan Islam untuk berkembang menjadi komponen penting dalam sistem kewangan antarabangsa yang boleh menyumbang kepada kestabilan kewangan global dan meningkatkan prospek untuk mencapai perkembangan global yang seimbang.

Sesi Interaksi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam
31 Mac 2004, Bali, Indonesia

"Prospek Masa Depan Industri Perkhidmatan Kewangan Islam"

Ucapan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Matlamat kita adalah untuk membangunkan sistem kewangan Islam sebagai satu proses pengantara yang akan menyumbang kepada penciptaan kekayaan, kemajuan dan pembangunan yang menyeluruh serta perkongsian kemakmuran yang lebih besar. Berikutan kepesatan globalisasi dan liberalisasi, penerusan kestabilan kewangan dan keyakinan menuntut sistem kewangan yang lebih mapan dan berdaya tahan. Cabaran kita adalah untuk merencana strategi yang dapat membina sebuah industri perkhidmatan kewangan Islam yang dinamik dan mapan. Matlamat visi ini ialah mewujudkan sebuah sistem kewangan Islam yang responsif bagi memenuhi keperluan ekonomi domestik dan menjadi komponen penting dalam sistem kewangan antarabangsa.

Pengalaman Malaysia dalam pembangunan sistem kewangan digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan 10 tahun. Pelan induk ini adalah rangka tindakan yang menyediakan hala tuju strategik bagi pembangunan sektor kewangan untuk jangka masa panjang demi keperluan masa depan. Matlamat pelan induk ini adalah bagi memperjelas visi dan objektif dalam konteks persekitaran yang lebih mencabar, dipacu oleh perubahan pantas dunia yang kian bersepadu dan berteraskan teknologi dan pengetahuan.

Malaysia mengguna pakai pendekatan yang komprehensif dalam pembangunan sistem kewangan Islamnya. Bagi tujuan ini, penekanan diberi kepada pembangunan infrastruktur kewangan yang komprehensif mencakupi pasaran kewangan Islam, instrumen kewangan Islam, undang-undang kontrak dan prosedur penguatkuasaan undang-undang, rangka kerja urus tadbir Syariah, amalan perakaunan dan piawaian penilaian Islam, keperluan pendedahan bersesuaian dan sistem pembayaran dan pelunasan yang efisien dan terjamin. Perhatian turut diberikan kepada pembangunan rangka kerja pengawalseliaan kehematan yang dapat menyumbang kepada kestabilan industri kewangan Islam. Ucapan saya pada hari ini akan memberi tumpuan kepada tiga bidang utama yang perlu diberi perhatian bagi menjamin masa depan industri perkhidmatan kewangan Islam yang gemilang. Bidang-bidang ini termasuk mempercepat inovasi kewangan, memperkukuh keupayaan pengurusan risiko dan memanfaatkan teknologi maklumat.

Mempercepat inovasi kewangan

Dalam perjalanan kita ke arah membangunkan kewangan Islam, inovasi akan menjadi tunjang bagi menjamin kelebihan persaingan dan seterusnya menjadi aspek penting kepada masa depan kewangan Islam. Meskipun fokus awal diberi kepada pembinaan keinstitusian dan pembangunan infrastruktur kewangan, usaha mempelbagaikan produk dan perkhidmatan perlu diberi perhatian yang lebih besar bagi memenuhi kehendak pengguna yang semakin canggih dan kehendak perniagaan kini yang lebih kompleks di samping meningkatkan kecekapan keseluruhan dalam penyediaan produk dan perkhidmatan tersebut.

Terdapat beberapa faktor penting dalam penyediaan persekitaran yang dapat menggalakkan inovasi. Pertama, tenaga kerja yang berkelayakan dan berkemahiran tinggi dalam industri ini amat diperlukan. Latihan adalah kaedah utama yang dapat menggalakkan inovasi sekaligus mengiktiraf kepentingan pembangunan kakitangan. Proses ini perlu disokong dengan penyertaan dan penglibatan industri dalam pendidikan universiti menerusi pembangunan kursus, pengajaran dan latihan amali. Di Malaysia, terdapat sebuah institut kajian dan latihan yang dimiliki oleh industri perbankan dan kewangan Islam yang dikenali sebagai Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia atau IBFIM. Ia ditubuhkan bagi menerajui usaha sama dengan universiti bagi menjalankan kajian dalam bidang-bidang penting untuk kemajuan pembangunan industri kewangan Islam.

Bagi mempertingkatkan keupayaan inovasi dan menjamin daya saing institusi kewangan Islam untuk tempoh jangka masa panjang, keutamaan juga harus diberikan kepada pembangunan pemimpin strategik yang mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran baru. Menyedari hakikat ini, Malaysia telah menubuhkan *International Centre for Leadership in Finance* (ICLIF) sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk melahirkan satu generasi baru pemimpin bertaraf dunia yang akan memacu sektor perkhidmatan kewangan ke arah prestasi yang tinggi dan cemerlang.

Kedua, perlunya pelaburan besar dalam infrastruktur bagi menyokong penyelidikan dan pembangunan dan seterusnya meningkatkan keupayaan inovasi. Sokongan kewangan untuk penyelidikan lanjutan di universiti dan institut-institut penyelidikan akan meningkatkan lagi peluang penyelidikan. Seterusnya, peningkatan tenaga kerja yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan juga akan meningkatkan potensi inovasi.

Ketiga, pendidikan pengguna dan komuniti perniagaan yang meluas dapat mendorong kepada peningkatan permintaan produk dan kaedah baru serta berinovatif. Malaysia telah melaksanakan program pendidikan pengguna yang tersusun bagi jangka masa 10 tahun bertujuan meningkatkan tahap kesedaran pengguna mengenai keunikan produk kewangan Islam dan aneka produk yang ditawarkan oleh penyedia kewangan Islam. Peningkatan kesedaran ini akan mendorong permintaan pelbagai produk dan perkhidmatan Islam yang dapat diubah suai mengikut keperluan, pada harga yang berpatutan dan melalui rangkaian dan jaringan

yang lebih selesa. Program pendidikan produk dan perkhidmatan Islam turut merangkumi perniagaan kecil. Proses ini akan mendorong industri kewangan meningkatkan inovasi bagi mengukuhkan kedudukan persaingan mereka. Pengukuhan ini boleh dilakukan dengan menjalankan kajian pasaran untuk meningkatkan lagi kefahaman mengenai keperluan kewangan khusus pengguna dan tahap penerimaan risiko, seterusnya berupaya mencipta instrumen kewangan Islam yang dapat memberi kebaikan dan nilai kepada pengguna.

Di samping itu, pendedahan dan ketelusan dalam mengendali urus niaga kewangan Islam dan kontrak kewangan Islam yang dijalankan serta profil risiko dan perolehan produk kewangan Islam akan mengukuhkan lagi peranan pasaran. Ini dapat memandu institusi kewangan Islam ke arah kepatuhan Syariah dalam operasi, meningkatkan keberkesanan operasi, memperkukuh infrastruktur pengurusan risiko dan menggalakkan amalan pengurusan risiko yang teguh dan dinamik.

Perkembangan ini akan menghasilkan kesan secara tidak langsung kepada peningkatan inovasi dalam pembangunan instrumen lindung nilai yang berteraskan Syariah. Meskipun inovasi dalam perbankan konvensional telah menghasilkan pelbagai instrumen lindung nilai untuk mengurangkan tahap risiko, masih terdapat perbalahan di kalangan para cendekiawan Islam mengenai penerimaan beberapa bentuk produk lindung nilai dari perspektif perundangan Islam. Oleh itu, pelaburan modal intelektual dan usaha bersepadu para cendekiawan, pakar kewangan Islam dan penyelidik adalah perlu bagi mempercepatkan lagi proses inovasi yang menggunakan prinsip-prinsip Syariah dalam proses mencipta teknik dan produk pengurangan risiko. Syariah seharusnya dilihat sebagai pendorong kepada inovasi dan bukannya penghalang. Dengan menggunakan sepenuhnya potensi dan pengetahuan Syariah, instrumen kewangan Islam akan berkembang menjadi produk yang lebih berinovatif dan maju.

Keempat, persekitaran dan struktur insentif juga penting dalam penyediaan persekitaran yang mendorong inovasi. Secara khususnya, rangka kerja pengawalan dan struktur percukaian adalah penting dalam proses inovasi. Rangka kerja pengawalan seharusnya tidak terlalu ketat sehingga boleh menyebabkan kos yang tinggi dan membebankan perniagaan. Kaedah pengawalan yang keterlaluan bagi produk baru juga akan membantutkan inovasi produk. Struktur percukaian boleh dirangka untuk menyokong proses inovasi. Dalam institusi kewangan, struktur organisasi juga boleh menghasilkan persekitaran bagi inovasi dengan mengelakkan struktur berorientasikan produk yang statik dan beralih kepada proses organisasi serta melaksanakan pemberian insentif berteraskan pencapaian.

Kelima, pelaksanaan pakatan strategik antara entiti boleh mewujudkan pendekatan serta teknologi baru atau pengkhususan dalam sesuatu produk baru. Di samping itu, usaha bersepadu antara institusi kewangan Islam dapat menguatkan kebolehan menggunakan kepakaran industri. Pengenalan produk kewangan Islam yang inovatif dalam

perundangan yang khusus boleh diperluaskan kepada perundangan yang lain, yang seterusnya akan menyumbang kepada pasaran kewangan Islam yang lebih meluas serta mantap, dan menguatkan lagi pembangunan industri kewangan Islam secara keseluruhannya. Bagi membantu pencapaian objektif ini, perkongsian maklumat mengenai ciri produk dan kaedah Syariah yang diterima pakai boleh dilakukan dalam menentukan penerimaan produk dalam kepelbagaian persekitaran perundangan.

Memperkukuh keupayaan pengurusan risiko

Walaupun liberalisasi kewangan dan inovasi meningkatkan pelbagai peluang, ia juga mengakibatkan bertambahnya ketidakpastian dan ketaktentuan di samping berpotensi menjejaskan kewangan. Perkembangan ini memaksa institusi kewangan mempertingkatkan tahap kesedaran dan pengurusan risiko dalam institusi mereka. Tumpuan pengawalseliaan telah beralih ke arah rangka kerja pengawalseliaan keperluan modal yang lebih sensitif terhadap risiko, serta penilaian sistem dan proses pengurusan risiko yang diamalkan oleh institusi kewangan. Industri kewangan turut membuat pelaburan yang besar dalam usaha mewujudkan infrastruktur pengurusan risiko dalaman yang teguh dan menyeluruh.

Dalam perbankan Islam, keperluan kepada pengurusan risiko menjadi lebih ketara memandangkan ciri khusus proses perantaraan kewangannya yang berlandaskan Syariah. Ini kerana institusi kewangan Islam memainkan pelbagai peranan. Dari segi aset, institusi kewangan Islam terlibat dalam pelbagai bentuk kontrak kewangan Islam yang memiliki ciri risikonya yang tersendiri. Institusi kewangan Islam boleh mengaplikasikan pendekatan Basel II yang mengambil kira risiko kredit, risiko pasaran dan risiko operasi. Walau bagaimanapun, institusi kewangan Islam perlu juga menerokai dimensi risiko yang lain dalam kontrak kewangan Islam. Dalam hal ini, infrastruktur pengurusan risiko dalam institusi kewangan Islam perlu mengenal pasti, melerai, mengukur dan mengawal selia risiko-risiko khusus yang terdapat dalam urus niaga dan instrumen kewangan Islam bagi menentukan penilaian dan pengurusan risiko yang berkesan.

Keupayaan pengurusan risiko yang kukuh menjadi lebih ketara memandangkan kepelbagaian kontrak yang dimeterai oleh institusi kewangan Islam dengan kategori pendeposit yang berbeza. Deposit permintaan, di bawah kontrak jagaan terjamin, dan deposit pelaburan, di bawah kontrak mudharabah, masing-masing mempunyai ciri risiko dan pulangannya yang unik. Institusi kewangan Islam perlu memastikan pendeposit permintaan dilindungi daripada risiko urus niaga perbankan Islam. Bagi pendeposit mudharabah pula, sebarang kemerosotan dalam prestasi kewangan portfolio aset akan disalurkan secara langsung ke bahagian liabiliti dalam kunci kira-kira, yang boleh mengakibatkan impak negatif ke atas pulangan kepada pendeposit pelaburan. Institusi kewangan Islam mempunyai tanggungjawab fidusiari bagi memastikan dana pendeposit diuruskan secara berhemat serta pulangan terlaras risiko dimaksimumkan. Keupayaan untuk memaksimumkan pulangan terlaras

risiko ke atas pelaburan dan mengekalkan pulangan yang kompetitif kepada pendeposit akan membantu membina keyakinan kepada industri kewangan Islam.

Memanfaatkan teknologi maklumat

Dalam mengorak langkah ke hadapan, institusi kewangan yang berjaya adalah institusi yang berupaya mengeksploit sepenuhnya potensi dan peluang revolusi teknologi maklumat. Keupayaan industri kewangan Islam menghasilkan produk dan perkhidmatan kewangan baru dapat dipertingkatkan melalui penerapan kemajuan teknologi yang baru dan canggih. Penerapan kemajuan teknologi juga berupaya meningkatkan akses kepada produk kewangan melalui saluran penghantaran baru yang lebih meluas. Penggunaan teknologi maklumat secara meluas dalam industri kewangan turut menyumbang dengan meningkatkan tahap kecekapan melalui penurunan kos yang ditanggung oleh para pelanggan dan sektor perniagaan. Selain daripada itu, teknologi maklumat juga dapat dimanfaatkan dalam membuat keputusan strategik bagi penjajaran urus niaga, mempertingkat kapasiti keinstitusian dan kecekapan operasi, serta memperkukuh keupayaan pengurusan risiko.

Pelaksanaan Basel II untuk perbankan konvensional memaksa institusi kewangan membuat pelaburan strategik dalam sistem teknologi dan pengurusan risiko bagi penilaian risiko kredit, pasaran dan operasi. Pengukuhan infrastruktur teknologi maklumat adalah amat perlu bagi memastikan penyelenggaraan data dan maklumat kewangan yang mencukupi untuk tujuan analisis risiko.

Dalam perbankan Islam, penggunaan teknologi maklumat dalam memperkukuh keupayaan pengurusan risiko adalah lebih mencabar memandangkan kerumitan risiko dalam mod pembiayaan Islam yang berbeza. Contohnya, kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada seseorang pelanggan berdasarkan murabahah, ijarah, istisna' dan musyarakah masing-masing mempunyai pendedahan risiko yang unik dan tersendiri. Pendedahan risiko bukan sahaja berbeza dari segi jenis pembiayaan yang berbeza malahan juga berbeza antara pelanggan. Tambahan pula, perbezaan tempoh matang kontrak kewangan Islam mempunyai implikasi risiko yang berlainan bagi jenis pembiayaan dan pelanggan yang berlainan. Institusi kewangan Islam perlu mempunyai sistem penarafan dalaman yang mantap bagi memeta aset-aset dalam kunci kira-kira dengan ciri risikonya. Sistem teknologi maklumat yang komprehensif diperlukan bagi menyimpan data jangka panjang agar kebarangkalian pulangan dapat dianggarkan dan wajaran risiko dikira dan diberikan. Kepelbagaian penjenisan dalam kewangan Islam memerlukan sistem teknologi maklumat yang lebih kukuh bagi pengiraan jangkaan pulangan berbanding urus niaga kredit berasaskan faedah.

Persekitaran kewangan yang kompleks dan tidak menentu memaksa institusi kewangan Islam mempertingkatkan kapasiti bagi menghadapi ketidakpastian dan ketaktentuan. Ini membolehkan institusi kewangan Islam memperkukuh kadar toleransi dalam pengurusan ketaktentuan kewangan. Bagi mencapai matlamat ini, sistem pengurusan risiko dalaman yang teguh diperlukan bagi mengenal pasti sebarang

potensi kemerosotan kualiti aset portfolio perbankan Islam. Ini membolehkan institusi kewangan Islam membuat peruntukan yang mencukupi secara dinamik, meramal perolehan masa depan dan menggunakan teknik menangani risiko yang berlandaskan kehendak Syariah di peringkat awal untuk menguruskan ketaktentuan dalam pulangan bagi menjana pendapatan yang stabil dan kompetitif kepada pendeposit.

Penggunaan model berasaskan risiko membolehkan institusi kewangan Islam melakukan ujian tekanan, analisis kepekaan dan simulasi berdasarkan pelbagai senario dengan mengambil kira semua situasi yang mungkin berlaku. Ini akan meningkatkan kapasiti institusi kewangan Islam bagi menjangka implikasi yang mungkin berlaku ke atas perolehan masa depan akibat kejutan kewangan dan seterusnya menggubal pelan kontingensi ke arah pengurusan aset dan liabiliti yang lebih efektif dan efisien.

Tambahan pula, sistem pengurusan risiko berasaskan teknologi maklumat akan meningkatkan kapasiti institusi kewangan Islam menguruskan pengasingan deposit permintaan, akaun pelaburan terhad dan tidak terhad dan dana pemegang saham secara lebih berkesan sejajar dengan objektif pelaburan dan toleransi risiko mereka. Pemetaan prestasi kewangan aset dengan pulangan terlaras risiko terhadap kelas-kelas pelabur tertentu akan menjurus kepada ketepatan dan ketelusan dalam penentuan pulangan. Memandangkan pulangan dalam perbankan Islam tidak menentu dan hanya dapat ditentukan secara *ex post*, sistem teknologi maklumat yang canggih akan melengkapi institusi kewangan Islam dengan keupayaan melakukan unjuran terhadap perolehan masa depan bagi mengurangkan kadar ketaktentuan dalam pulangan kepada pendeposit. Justeru, ia akan meningkatkan kewibawaan dan memperkukuh daya saing industri kewangan Islam.

Penutup

Prospek masa depan industri kewangan Islam bergantung kepada usaha sama pelbagai entiti yang berkaitan dalam sektor kewangan iaitu pihak industri, pengawalselia, peserta pasaran dan komuniti antarabangsa. Usaha secara kolektif perlu digembleng secara teratur dan rapi bagi memaksimumkan potensi ini. Menerapkan visi dan matlamat bersama yang perlu dicapai merupakan langkah pertama yang penting. Lebih penting lagi ialah langkah yang perlu diambil bagi merealisasikan matlamat tersebut. Inisiatif dan langkah-langkah yang kita ambil hari ini akan menyumbang ke arah masa depan yang kita impikan.

Seminar Pengurusan Risiko berkaitan Persetujuan Modal Basel Baru (Basel II)
15 April 2004, Kuala Lumpur

"Meningkatkan Keutuhan Sektor Perbankan - Persetujuan Modal Basel Baru"

Ucapan Dasar oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Seminar ini bertujuan menerapkan pemahaman yang lebih mendalam tentang perubahan yang bakal berlaku kepada pengawalseliaan kecukupan modal antarabangsa. Memandangkan betapa pentingnya subjek ini dan implikasinya terhadap industri perbankan, maka adalah penting bagi industri memahami tujuan dan cabaran yang bakal dihadapi disebabkan perubahan ini, supaya langkah-langkah sewajarnya dapat diambil mengikut cara yang dapat memaksimumkan manfaatnya. Meskipun prinsip-prinsip umum persetujuan baru ini telah diterima di peringkat global, terdapat perbezaan dari segi kaedah pelaksanaan yang diambil oleh pelbagai negara. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membincangkan Persetujuan baru dari perspektif dan pendekatan yang akan diambil oleh Malaysia. Seminar ini memberi peluang kepada para hadirin untuk berbincang mengenai isu-isu yang berkaitan Persetujuan baru tersebut.

Falsafah dan objektif pengawalseliaan modal

Sektor perbankan yang berfungsi dengan baik dan efisien adalah penting kepada proses pertumbuhan ekonomi. Institusi perbankan memainkan fungsi perantaraan yang utama untuk menggerakkan dana bagi membiayai aktiviti yang produktif. Proses perantaraan ini perlu dilaksanakan dalam suasana kewangan yang stabil. Di sini, keyakinan dan keutuhan sistem kewangan adalah penting. Perniagaan perbankan sememangnya melibatkan risiko dan risiko ini perlu diurus dengan teliti. Dalam persekitaran yang wujud ketidakpastian yang semakin meningkat dan mudah berubah, langkah ini perlu diperkukuhkan dengan pembangunan sistem perbankan yang lebih mantap dan berdaya tahan. Justeru, peraturan berhemat adalah penting bagi memastikan keutuhan dan kestabilan sistem kewangan.

Dalam konteks peraturan berhemat, satu komponen penting ialah rangka kerja modal yang kukuh bagi mengukur risiko dengan tepat dan memperuntukkan modal secukupnya kepada risiko itu. Persetujuan modal semasa yang diperkenalkan pada tahun 1988 diterima pakai sebagai penanda aras antarabangsa bagi menilai kecukupan modal institusi perbankan. Meskipun persetujuan ini mencapai hasil yang dikehendaki dari segi pembangunan institusi perbankan yang mempunyai tahap modal yang lebih kukuh di

peringkat global, pembangunan pesat pasaran kewangan pada tahun-tahun kebelakangan ini termasuk pertumbuhan pembiayaan luar kunci kira-kira, misalnya pensekuritian bersandarkan asset, telah menyebabkan pengukuran dalam persetujuan perjanjian yang sedia ada terlalu lebar dan kurang efektif.

Risiko dan Pengurusan Risiko - keperluan kepada persetujuan baru

Perubahan struktur institusi baru dan evolusi amalan pasaran mengurangkan keberkesanan persetujuan yang sedia ada. Meskipun pada asasnya klasifikasi risiko tidak mengalami perubahan ketara, cara bagaimana risiko muncul telah banyak berubah. Dengan kemunculan produk baru dan urus niaga kewangan yang lebih kompleks berikutan inovasi teknologi, kini risiko boleh diasingkan dan dijelmakan semula dalam bentuk baru. Pada masa yang sama, peningkatan dari segi penyusunan semula kewangan dan kepakaran telah membawa kepada kemunculan instrumen lindung nilai yang baru bagi memudahkan pengurusan risiko. Kemajuan ketara dicapai dalam bidang pengukuran risiko pasaran apabila penggunaan model dalaman untuk nilai berisiko dengan begitu cepat diterima sebagai piawaian industri.

Kemajuan pendekatan yang bersifat kuantitatif dalam bidang pengurusan risiko pasaran diperluas untuk merangkumi risiko kredit dan kendalian. Meskipun sukar untuk memperoleh data, penyelidikan baru mengukuhkan teori asas bagi pemodelan risiko kredit dalaman dan kendalian. Pembangunan instrumen lindung nilai baru seperti derivatif kredit juga meningkatkan penggunaan mekanisme pemindahan risiko kredit dalam sistem kewangan, lantas menggalakkan pengurusan risiko portfolio kredit secara lebih aktif. Pembangunan penting turut berlaku dalam bidang risiko kendalian. Kegagalan besar yang dialami oleh sektor korporat akibat penipuan dan kealpaan kawalan dalaman telah mendorong usaha ke arah membaiki tahap pengurusan risiko kendalian di institusi perbankan. Ini mencetuskan keperluan segera institusi perbankan untuk memperuntukkan modal kepada risiko kendalian dan menyediakan rangka kerja pengurusan risiko yang lebih bersepadu dan menyeluruh.

Intipati persetujuan baru

Usaha BIS memperkenalkan rangka kerja yang telah diperkemaskan bagi pengawalseliaan kecukupan modal melalui Basel II adalah selaras dengan perkembangan ini. Ia bertujuan menyesuaikan konsep pengurusan modal yang lebih ke hadapan ke dalam keperluan pengawalseliaan. Penilaian kecukupan modal perlu dilihat merangkumi nisbah modal yang telah dihitung. Justeru, persetujuan Basel baru merangkumi **tiga tonggak**. Tonggak pertama menyediakan rangka kerja pengiraan modal minimum untuk risiko kredit dan kendalian. Pada dasarnya, keperluan modal yang dikawal selia berkait rapat dengan tahap sebenar risiko yang dihadapi oleh institusi perbankan. Pengiraan modal ini menyediakan tiga pilihan dengan tahap kerumitan yang berlainan untuk risiko kredit dan kendalian bagi mencerminkan risiko sebenar dengan lebih tepat. Tonggak kedua menjurus kepada pengukuhan proses penyeliaan, terutamanya dalam menilai kualiti pengurusan risiko institusi perbankan. Proses penyeliaan ini bertujuan menyediakan mekanisme bagi memastikan risiko-risiko lain

seperti risiko tumpuan dan risiko pasaran dalam buku perbankan adalah terurus. Dalam persekitaran sedemikian, pemberian pinjaman berhemat seperti yang ditunjukkan oleh tahap kepelbagaian portfolio yang tinggi, boleh menjadikan keperluan modal lebih rendah. Tonggak ketiga menentukan keperluan pendedahan minimum tentang kecukupan modal bagi meningkatkan disiplin pasaran.

Meskipun secara relatifnya lebih kompleks, pelaksanaan rangka kerja baru ini menyediakan beberapa pilihan dan kefleksibelan kepada institusi perbankan. Ini bertujuan memastikan pendekatan yang diambil sesuai dan mencerminkan aktiviti pengambilan risiko dan tahap sofistikasi institusi terlibat. Bagi menerima pakai **pendekatan piawaian** untuk risiko kredit, pendedahan kredit dikenakan wajaran berdasarkan penarafan kredit luaran yang diiktiraf. Walau bagaimanapun, bagi institusi perbankan yang besar yang menjalankan perniagaan yang lebih kompleks, **pendekatan *Internal Ratings Based* (IRB) di peringkat asas atau lanjutan** mungkin lebih sesuai bagi mencerminkan profil risiko sebenar. Pada masa yang sama, tiga pendekatan alternatif boleh diguna pakai dalam memperuntukkan modal untuk risiko kendalian, iaitu pendekatan penunjuk asas, pendekatan piawaian dan pendekatan pengukuran lanjutan.

Objektif rangka kerja baru bertujuan menitikberatkan keperluan pengukuran risiko yang diperhalusi, pengurusan modal yang lebih efisien dan amalan pengurusan risiko yang mantap, yang akhirnya menyumbang kepada peningkatan kestabilan kewangan. Ini dilengkapi oleh usaha mengukuhkan rangka kerja urus tadbir korporat dan keutuhan sistem kawalan dalaman serta meningkatkan tahap ketelusan dan disiplin pasaran. Dalam konteks ini, keupayaan ahli lembaga dan pucuk pimpinan pengurusan institusi perbankan untuk menilai risiko dari perspektif yang lebih luas dan kesan strategiknya ke atas institusi, juga tidak kurang pentingnya.

Memandangkan rangka kerja modal baru ini memberi implikasi ketara, Bank Negara Malaysia akan terlibat secara langsung dalam proses perundingan melalui forum serantau bagi memastikan isu dan kebimbangan yang dibangkitkan oleh negara-negara membangun akan dipertimbangkan oleh BIS dalam merumus persetujuan baru ini. Kami berasa sukacita kerana kebanyakan perkara yang dibangkitkan ini telah diambil kira.

Motivasi bagi peralihan ke persetujuan baru

Pelaksanaan persetujuan baru adalah selaras dengan usaha mengukuhkan keupayaan pengurusan risiko. Tahap amalan pengurusan risiko yang lebih kukuh seperti yang dikehendaki oleh persetujuan baru bukan sahaja meningkatkan penjimatan modal malah menjadi penting dalam konteks sistem perbankan domestik yang semakin kompetitif dan bersepadu dengan pasaran global. Cara membuat keputusan yang efektif dan efisien boleh dipertingkatkan hasil daripada maklumat yang relevan dan cepat, disokong oleh analisis yang lebih bersifat kuantitatif. Ini dapat dicapai dengan pengkalan data dan sistem maklumat yang lebih kukuh, di samping proses yang bersepadu serta aliran maklumat dan pelaporan yang lebih cekap. Penerapan rangka kerja pengurusan risiko yang lebih

kukuh juga membolehkan institusi perbankan menilai dengan lebih baik sumbangan marginal saluran perniagaan yang sedia ada dan baru kepada prestasi kewangan institusi secara keseluruhan. Ini membolehkan keputusan dibuat lebih berasaskan maklumat, seterusnya menyumbang kepada peningkatan dalam lebihan daya saing.

Melangkah ke hadapan, penggunaan sumber dalaman yang lebih efisien menjadi semakin penting. Rangka kerja pengurusan risiko yang lebih kukuh dan bersepadu serta penggunaan model pengurusan prestasi terlaras risiko akan lebih merangsang aktivisme pemegang saham dan memacu kecekapan di kalangan bank.

Walau bagaimanapun, pengurusan risiko tidak beroperasi dalam vakum atau secara berasingan dan tidak seharusnya dilihat dalam konteks pematuhan kawal selia semata-mata. Keutamaan harus diberi bagi memastikan rangka kerja pengurusan risiko dipadankan dan disepadukan sebaik-baiknya dengan hala tuju strategik perniagaan institusi perbankan. Manfaat penilaian risiko yang lebih mendalam dan pengurusan risiko yang lebih kukuh harus diterjemahkan kepada peningkatan operasi perniagaan dan fungsi institusi yang lebih efektif. Akhirnya, ini akan mendatangkan manfaat kepada pengguna dan ekonomi secara amnya.

Cabaran pelaksanaan dan pertimbangan

Berikutan kerumitan Basel II, keupayaan untuk mematuhinya merupakan isu pokok bagi komuniti perbankan. Ini benar-benar merupakan satu cabaran bagi pendekatan kaedah IRB ataupun sistem berdasarkan penarafan dalaman. Jumlah sumber yang perlu digembleng dan kekurangan data sering disebut sebagai dua cabaran utama dalam melaksanakan kaedah IRB, khususnya bagi bank dalam pasaran yang baru muncul. Di peringkat ini, data mengenai kegagalan pembayaran balik pinjaman dan perpindahan kredit bagi segmen pasaran tertentu adalah sangat terhad untuk membuat analisis yang bermakna. Oleh itu, institusi perbankan dijangka memerlukan masa menunggu yang agak lama bagi merumus satu kaedah pengesahan yang bermakna dan utuh bagi anggaran dalaman berhubung dengan kemungkinan kegagalan pembayaran balik pinjaman dan kerugian akibat kegagalan tersebut. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bank-bank harus menunggu sehingga kesemua data yang diperlukan telah diperoleh. Bank-bank boleh memulakan usaha untuk merumus rangka kerja bagi fungsi analitis.

Meskipun kaji selidik Bank Negara Malaysia menunjukkan terdapat minat yang tinggi di kalangan institusi perbankan di Malaysia mengguna pakai kaedah IRB, kebanyakan mereka berpendapat adalah perlu untuk mengukuhkan lagi kes perniagaan dan menjalankan analisis jurang dan impak yang lebih komprehensif. Ini sememangnya merupakan suatu proses yang kritikal. Yang penting adalah untuk mewujudkan keupayaan meraih faedah daripada persetujuan baru tersebut. Walau bagaimanapun, ini akan mengambil masa tanpa mengambil kira sama ada ia institusi perbankan yang besar dan aktif di peringkat antarabangsa dan yang telah melaksanakan proses peningkatan yang ketara bertahun-tahun lamanya.

Kaedah piawaian menawarkan manfaat pada tahap kerumitan yang lebih rendah

Walaupun penjimatan modal daripada penggunaan kaedah piawaian mungkin lebih kecil berbanding kaedah IRB, faedah yang didapati di bawah kaedah piawaian adalah masih besar berbanding persetujuan yang sedia ada. Ini meliputi wajaran risiko yang lebih rendah untuk portfolio pinjaman perumahan, melibatkan pengurangan daripada 50% kepada 35% di bawah kaedah piawaian. Pada masa yang sama, penjimatan modal yang besar turut diperoleh daripada pemberian pinjaman kepada industri kecil dan sederhana (IKS) yang layak dikategorikan sebagai pendedahan pinjaman runcit, dengan wajaran risiko dikurangkan daripada 100% kepada 75%. Pengurangan wajaran risiko di bawah kaedah piawaian bagi sektor tersebut mungkin akan meningkatkan penglibatan institusi perbankan bagi segmen pasaran tersebut.

Anggaran awal Bank Negara Malaysia menunjukkan institusi perbankan akan mendapat manfaat penjimatan modal hasil daripada penggunaan kaedah piawaian. Walau bagaimanapun, kemajuan dalam beberapa bidang seperti sistem identifikasi pinjaman dan sistem pengurusan cagaran, mampu menambah penjimatan modal untuk risiko kredit di bawah kaedah piawaian. Penentukuran berterusan adalah diperlukan bagi memastikan bank-bank di bawah kaedah piawaian akan terus memaksimumkan penjimatan modal untuk risiko kredit berikutan keperluan untuk peruntukan modal yang eksplisit bagi risiko kendalian di bawah persetujuan baru.

Meskipun kaedah IRB menjanjikan penjimatan modal yang lebih besar dalam jangka masa panjang, penggunaan kaedah piawaian dalam proses peralihan adalah pilihan yang lebih pragmatik. Ini termasuk di kalangan kumpulan perbankan yang aktif di peringkat antarabangsa. Di bawah kaedah IRB, bank perlu mencapai persetujuan dengan pengawal selia di negara mereka beroperasi mengenai keutuhan anggaran dalaman dan proses pengesahan kumpulan tersebut. Justeru, kaedah piawaian dapat dilihat sebagai pemberi ruang untuk melicinkan peralihan kepada kaedah IRB dan pada masa yang sama membolehkan institusi perbankan mendapat faedah penjimatan modal.

Pendekatan berbeza oleh pengawal selia

Meskipun prinsip asas persetujuan baru tersebut telah diterima di peringkat global, langkah pelaksanaan yang diambil oleh setiap negara adalah berbeza-beza. Bagi sesetengah negara, pengawal selia memilih agar persetujuan tersebut dilaksanakan oleh kesemua institusi, sementara di pihak yang lain, pendekatan yang khusus ditetapkan bagi bank-bank terpilih. Sesetengah pengawal selia pula memberikan lebih fleksibiliti kepada bank-bank ataupun melanjutkan tempoh pelaksanaan persetujuan baru tersebut. Ini mencerminkan pertimbangan dan keutamaan yang berbeza-beza di kalangan pengawal selia dalam menentukan agenda dasar mereka. Pada asasnya, keputusan oleh pengawal selia nasional adalah berdasarkan beberapa faktor umum, iaitu, peringkat pembangunan industri dan infrastruktur pasaran, saiz dan jenis institusi yang terlibat, falsafah dan keutamaan pengawalseliaan, serta persekitaran ekonomi. Yang paling penting adalah untuk memastikan

pelaksanaan persetujuan baru tersebut konsisten dengan agenda dan objektif sektor kewangan secara keseluruhannya bagi merangsang pertumbuhan dan perkembangan ekonomi.

Prinsip pelaksanaan bagi Malaysia

Di Malaysia, kesesuaian persetujuan baru dinilai dalam konteks objektif kita untuk membentuk sistem perbankan yang lebih berkesan, berdaya tahan dan terbaik untuk negara. Memandangkan peranan penting dan istimewa yang dimainkan oleh sektor perbankan dalam ekonomi, kewujudan sistem perbankan yang mempunyai modal mencukupi sentiasa diberi keutamaan dalam rangka kerja pengawalseliaan. Dalam konteks ini, prinsip yang didukung oleh persetujuan baru tersebut adalah konsisten dengan falsafah pengawalseliaan yang menggalakkan pembinaan kapasiti dan pengukuhan dalam pengurusan risiko.

Strategi pelaksanaan Basel II yang berkesan bergantung kepada sejauhmana industri memahami dengan betul mengenai rangka kerja baru tersebut. Untuk melaksanakan perubahan yang diingini, pihak pengurusan institusi perbankan perlu memahami prinsip persetujuan baru tersebut. Satu tanggapan salah yang sering berlaku ialah pengiktirafan cagaran kewangan di bawah rangka kerja baru akan menggalakkan lebih banyak pinjaman bersandarkan cagaran dalam sektor perbankan. Ini adalah kesimpulan yang terlalu mudah memandangkan keperluan minimum yang ketat bagi pengiktirafan sesuatu cagaran kewangan untuk melayakkan sesebuah bank menikmati penjimatan modal. Tambahan pula, potensi penjimatan modal di bawah rangka kerja baru bukanlah melalui pengiktirafan cagaran kewangan semata-mata, tetapi melalui wajaran risiko yang lebih rendah ke atas pinjaman yang mendapat penarafan lebih tinggi.

Sesungguhnya, faedah sebenar yang diperolehi daripada Basel II adalah peningkatan dalam standard pemberian pinjaman dan pengukuran risiko yang lebih tepat dan seterusnya boleh meningkatkan prestasi. Penerimaan cagaran hanyalah untuk mengurangkan kesan kerugian sekiranya pinjaman tersebut menjadi pinjaman tidak berbayar. Dalam keadaan pasaran yang semakin kompetitif, tumpuan adalah untuk memaksimumkan pulangan ke atas modal berlaraskan risiko dan mengekalkan portfolio aset yang optimal yang menggambarkan tahap toleransi risiko sesebuah institusi. Dalam persekitaran sedemikian, penekanan yang berlebihan ke atas cagaran pasti tidak boleh diterima.

Bank Negara Malaysia akan mengguna pakai empat prinsip utama dalam perlaksanaan Basel II di Malaysia:

Pertama ialah keperluan untuk memberi ruang kepada usaha pembinaan kapasiti dengan penekanan lebih tertumpu kepada pengukuhan rangka kerja pengurusan risiko secara beransur-ansur di kesemua institusi perbankan;

Kedua ialah tempoh masa yang lebih fleksibel untuk membolehkan pelaksanaan langkah pembinaan kapasiti;

Ketiga ialah penekanan kepada justifikasi perniagaan dan bukan dalam bentuk mandat pengawalseliaan bagi pelaksanaan kaedah IRB; dan

Akhir sekali ialah metodologi penyeliaan yang diperkukuhkan dalam menilai model dalaman dan sistem pengurusan risiko terkini.

Malaysia akan mengamalkan pendekatan dua fasa bagi Basel II

Prinsip-prinsip tersebut akan dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa pertama bermula pada Januari 2008 dengan kesemua bank dikehendaki melaksanakan kaedah piawaian untuk risiko kredit dan kaedah penunjuk asas untuk risiko kendalian. Institusi perbankan dikehendaki mengemukakan kepada Bank Negara Malaysia pengiraan kecukupan modal secara bulanan yang selari selama setahun sebelum pelaksanaan kaedah piawaian.

Dalam Fasa 1, Bank Negara Malaysia mungkin akan membenarkan institusi perbankan kekal dalam perjanjian yang sedia ada sekiranya mereka berhasrat untuk mengguna pakai kaedah berdasarkan penarafan dalaman peringkat asas (FIRB) dan bukannya kaedah piawaian. Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia mewajibkan pengemukaan kes justifikasi perniagaan dan pelan tindakan yang telah diluluskan oleh lembaga pengarah institusi perbankan terbabit. Institusi perbankan tersebut dijangka melaksanakan kajian jurang dan kesan perniagaan yang komprehensif untuk menyokong pelan tindakan mereka. Sehubungan ini, satu garis panduan am mengenai proses yang dikehendaki dan jangkaan akan dikeluarkan untuk memudahkan proses tersebut.

Institusi perbankan yang berhasrat untuk mengguna pakai pendekatan FIRB dikehendaki berbuat demikian menjelang Januari 2010. Ini adalah tarikh bermulanya fasa kedua pelaksanaan. Institusi berkenaan dikehendaki mengemukakan kepada Bank Negara Malaysia pengiraan kecukupan modal secara bulanan yang selari bagi tempoh setahun sebelum pelaksanaan tersebut. Walau bagaimanapun, dalam fasa kedua, bank-bank yang menggunakan kaedah piawaian tidak diwajibkan beralih kepada pendekatan FIRB. Bagi tujuan pengesahan dan kelulusan pengawalseliaan, Bank Negara Malaysia menetapkan semua parameter dan andaian yang digunakan di bawah kaedah FIRB adalah berdasarkan input data tempatan.

Kesimpulan - modal adalah asas, tetapi bukanlah faktor tunggal bagi memastikan kekukuhan

Meskipun terdapat peningkatan tahap sofistikasi dalam rangka kerja modal pengawalseliaan dan modal ekonomi dalaman bank, modal masih merupakan benteng pertahanan yang terakhir bagi sesebuah bank. Keperluan modal seharusnya dilengkapi oleh perbankan berhemat yang mengambil kira peningkatan dalam standard pemberian pinjaman, kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang berkesan serta urus tadbir korporat yang kukuh. Dalam mencapai matlamat dan aspirasi masa hadapan, manfaat besar daripada Basel II boleh diperoleh hanya jika institusi anda mengambil langkah yang perlu untuk menyusun semula strategi dan orientasi perniagaan supaya selari dengan standard

baru tersebut. Minat, penglibatan dan langkah segera anda adalah penting bagi menempatkan institusi anda pada kedudukan yang baik dalam persekitaran yang semakin kompetitif dan dinamik.